

Lembah Lenggong tapak warisan dunia

TELUK INTAN - Kerajaan Negeri Perak sedang berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan kawasan Lembah Lenggong dekat sini sebagai satu lagi tapak warisan dunia daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir (**gambar**) berkata, kerajaan negeri berhasrat menjadikan kawasan terabit sebagai tapak warisan dunia sebaris dengan George Town dan Melaka.

Kata beliau, beberapa pakar daripada UNESCO telah menyediakan laporan mengenai cadangan berkenaan kerana Lembah Lenggong dianggap mempunyai nilai tersendiri kepada sejarah dunia.

"Menurut penilaian UNESCO, ia merupakan satu daripada kawasan tamadun dunia yang awal yang menjangkau usia 1.83 juta tahun lalu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Majlis Perbandaran Teluk Intan di sini semalam.

Menurut beliau, tapak warisan

Lembah Lenggong bakal meletakkan Perak di peta dunia sebagai kawasan arkeologi untuk masyarakat dunia mengenali dan mengkaji sejarahnya.

Zambry memberitahu, penemuan rangka manusia purba "Perak Man" adalah antara faktor yang menarik perhatian UNESCO untuk menjadikan kawasan itu sebagai tapak warisan dan lokasi pelancongan dunia.

"Pihak UNESCO telah mencadangkan kepada kerajaan negeri bagi memajukan kawasan itu yang membabitkan beratus hektar untuk dikenal pasti sebagai tapak warisan," katanya.

Kerajaan negeri, katanya, berharap dalam tempoh terdekat laporan lengkap daripada pasukan UNESCO dapat disediakan bagi membolehkan kawasan yang bakal diisytiharkan sebagai tapak warisan dunia dikenal pasti.

"Pengiktirafan kawasan berkenaan sebagai tapak warisan dunia akan menarik perhatian pelancong dari serata dunia ke Perak khususnya dan Malaysia amnya," ujarnya. - Bernama

